



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

MAJLIS PELANCARAN PROJEK PENGKOMPOSAN  
DAN PELANCARAN *ECONOMICAL FOOD WASTE  
COMPOSTER (EFWC)*

**TARIKH / MASA / TEMPAT**  
**02 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)**  
**8.00 PAGI**

**TAPAK PERHIMPUNAN  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JALAN DAMAI  
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Che Zalina Zulkifli**

Ketua Projek Pengkomposan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Tanjung Malim

**Yang Berusaha Encik Lee Cheah Kuen**

Pengetua  
Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Damai  
Bukit Mertajam

**Yang Berusaha Puan Lisa Wong Seew Lee**

Yang Dipertua  
Persatuan Ibu Bapa dan Guru  
Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Damai  
Bukit Mertajam

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Para Guru dan Murid-Murid**

Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Damai  
Bukit Mertajam

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Bersyukur kita ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah kurnianya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Projek Pengkomposan Dan *Economical Food Waste Composter* (EFWC) Di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Damai, Bukit Mertajam

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Che Zalina Zulkifli, Ketua Projek Pengkomposan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim; Yang Berusaha Encik Lee Cheah Kuen, Pengetua SMK Jalan Damai; Yang Berusaha Puan Lisa Wong Seew Lee, Yang Dipertua PIBG SMK Jalan Damai; Ahli-Ahli Majlis MPSP; Ketua-Ketua Jabatan; guru-guru dan murid-murid SMK Jalan Damai, Bukit Mertajam; dan semua yang turut hadir bersama-sama di pagi yang berbahagia ini.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

MPSP telah merangka dan menyediakan Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang merupakan satu perancangan atau komitmen MPSP kepada semua pelanggan, *stakeholders*, warga Seberang Perai dan Kerajaan Negeri dalam menjayakan Visi dan Misi MPSP, dan seterusnya menjadikan MPSP sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang terbuka, interaktif, cekap dan mendapat sokongan ‘*civil society*’.

Sebagai sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*people centric organization*”, MPSP memastikan bahawa program dan aktiviti MPSP memberi manfaat dan kemudahan kepada semua lapisan masyarakat. Keutamaan diberikan kepada remaja dan warga emas bagi membina masyarakat bukan sahaja mencintai alam sekitar malahan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan.

MPSP juga akan mewujudkan *smart environment* serta *smart people* yang mengambil bahagian dalam pengurusan bandar. Dengan meningkatnya *mobility* dan *connectivity*, MPSP akan menerajui transformasi

digital untuk menjadi Pihak Berkuasa Tempatan yang pintar, pantas dan saling berhubungan.

MPSP juga serius dalam menguruskan sisa pepejal dengan sempurna dan telah mengambil langkah-langkah proaktif dalam melaksanakan dasar pengasingan sisa di punca. Dasar ini telah membantu dalam meningkatkan lagi kadar kitar semula Seberang Perai yang telah mencatat 38% pada tahun 2016 dan telah meningkat kepada 43.25% pada tahun 2017 dan seterusnya mensasarkan peningkatan kadar kitar semula tahunan sebanyak 7% dan mencapai 70% kadar kitar semula, menjelang tahun 2022 seperti di dalam Pelan Strategik MPSP. Selain itu, MPSP juga mensasarkan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah dikurangkan sehingga 50% pada tahun 2022. Kadar sampah yang dihasil perkapita didapati berkurangan daripada 1.6kg/orang/hari pada tahun 2016 kepada 1.09kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan terus berkurangan kepada 0.8kg/orang/hari pada tahun 2022.

Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung serta memanjangkan hayat tapak pelupusan. Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca oleh Kerajaan Negeri telah berjaya mempertingkatkan sistem dan kaedah pengurusan sisa pepejal dan

pembersihan awam negeri kepada satu sistem yang lebih teratur, mampan dan maju dan setanding dengan bandar-bandar antarabangsa maju lain.

Dasar Pengasingan Sisa di Punca berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 dengan tumpuan diberikan kepada program-program pendidikan dan kesedaran kepada penduduk Seberang Perai. Pada 1 Jun 2017, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mula dikuatkuasakan dengan penguatkuasaan di kawasan harta bersama atau strata. Penguatkuasaan di kawasan komersial pula telah dikembangkan mulai 1 Januari 2018.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka mengikut komposisi sisa pepejal iaitu sisa kitar semula (kertas, plastik, kaca, tin aluminium / besi / logam) dan sisa baki (sampah kotor dan sisa makanan) sebelum dilupuskan. Keadah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Saya menyeru para guru, para pelajar dan juga hadirin sekalian untuk menjadikan kitar semula dan sisa sifar sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan sehijau mungkin.

Untuk mencapai hasrat ini MPSP memperkenalkan MPSP *Smart Consumption Model 8R* [*rethink, refuse, reduce, re-use, repair, re-gift, recover* dan *recycle*] pada 14 Januari 2018, yang mana intipatinya adalah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebih, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barang yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Dalam mencapai impian serta hasrat MPSP ke arah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang 2022, MPSP menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan ini, MPSP menjalinkan kerjasama dengan pelbagai lapisan masyarakat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita.

MPSP telah lama mewujudkan *smart partnership* dengan sekolah-sekolah di Seberang Perai seperti program-program Anugerah Sekolah

Hijau, kitar semula, pengasingan sisa di punca dan sebagainya yang dilaksanakan oleh MPSP.

SMK Jalan Damai telah bersama-sama dengan MPSP selama sembilan tahun, sejak tahun 2010, dalam program Anugerah Sekolah Hijau. Saya amat kagum dengan usaha kental pihak SMK Jalan Damai yang tidak putus-putus berusaha sehingga kini dalam pertandingan Anugerah Sekolah Hijau, walaupun tidak memenangi anugerah tersebut. Syabas dan Tahniah saya ucapkan. Teruskan usaha dan moga mendapat kejayaan.

Sekolah merupakan salah satu tempat di mana konsep *Smart Consumption 8R* boleh dipraktikkan secara meluas. Saya percaya dalam peribahasa melayu “*melentur buluh biar dari rebungnya*”. Di sekolahlah keperibadian dan persepsi manusia dapat dibentuk dan dicorakkan. Program-program seumpama ini akan mendidik generasi pelapis masa akan datang supaya menjadikan aktiviti kitar semula dan juga *upcycle* sebagai satu amalan hidup. Pendekatan secara *holistic* dari peringkat anak-anak murid sama ada sekolah rendah dan menengah adalah penting untuk menjamin bumi kita ini dapat terus dipelihara. Konsistensi dalam pengamalan 8R ini dapat menjadikan sesbuah sekolah sebagai tempat melahirkan generasi yang menghargai dan menjaga alam sekitar.

Saya mengharapkan agar para guru dan pelajar sekolah ini dapat menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Agensi pendidikan adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Program pengkomposan merupakan salah satu komponen Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang mengajak dan mendidik masyarakat untuk mengasingkan sisa-sisa dapur dan seterusnya dijadikan kompos atau baja, yang mana sekaligus mengurangkan bahan buangan yang dihantar ke pusat pelupusan sampah. Program sisa sifar telah mula diperkenalkan pada tahun 2010. Sehingga kini terdapat 14 tempat yang telah mengambil bahagian. Daripada 14 tempat tersebut, 9 adalah perumahan berstrata, 1 kampung, 2 buah kilang, sebuah pusat perniagaan dan sebuah hotel. Lokaliti tersebut adalah:-

- I. Kawasan perumahan berstrata,
  - i. Taman Pandan
  - ii. Pangsapuri Park View
  - iii. Palm Vila
  - iv. BM Resident
  - v. Ocean View Resident
  - vi. Sea View Condominium
  - vii. The Signature
  - viii. Pangsapuri Tanjung Indah
  - ix. Taman Villa Oren
  
- II. Perkampungan
  - i. Kampung Jawi
  
- III. Kilang
  - i. Kilang Sony
  - ii. South Island Garment
  
- IV. Pusat perniagaan
  - i. Autocity Juru

V. Hotel.

i. Ixora Hotel

Pada tahun 2017 sahaja, sebanyak 161,290 kg sisa organik telah dikumpulkan daripada 14 lokaliti tersebut. Selain itu, program pengkomposan juga telah diserapkan sebagai salah satu aktiviti dalam Anugerah Sekolah Hijau.

MPSP juga telah memilih beberapa pasar, iaitu Pasar Kota Permai, Pasar Sri Rambai, Pasar Kampung Baru, Pasar Bukit Mertajam, Pasar Sama Gagah, Pasar Seberang Jaya, Pasar Sri Uda, Pasar Sri Bandar, Pasar Jeti Lama dan Pasar Taman Selamat, sebagai projek perintis untuk menjalankan kutipan sisa organik. Ini juga merupakan salah satu langkah dalam menuju sisa sifar. Sisa yang kebanyakannya terdapat di pasar adalah sayur-sayur yang telah rosak yang dibuang ke dalam tong sampah. Sisa-sisa ini diasingkan oleh peniaga dan juga pekerja MPSP dan dipungut setiap hari kecuali hari Ahad dan seterusnya dihantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam. Beratan sisa organik yang telah dipungut dan dihantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam bagi tempoh April hingga Disember 2017 adalah sebanyak 152,615 kg.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Saya ingin umumkan bahawa *Economical Food Waste Composter* atau EFWC adalah merupakan inovasi MPSP dan UPSI untuk memproses sisa makanan. Ini membuktikan kerjasama strategik seperti yang saya umumkan sebelum ini melalui pendekatan 7Ps iaitu universiti sebagai gedung ilmu telah menunjukkan hasil yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat.

Projek pengkomposan ini juga adalah merupakan satu usaha dan kolaborasi yang dilaksanakan bersama-sama oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), SMK Jalan Damai dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Sisa-sisa makanan akan diproses menggunakan *Economical Food Waste Composter* atau EFWC iaitu menggunakan motor untuk pengudaraan dan mikroorganisma bagi mempercepatkan proses pengkomposan. Projek ini masih lagi di peringkat percubaan dan pihak sekolah diminta untuk memantau dan mencatat segala maklumat yang diperlukan bagi kajian keberkesanan penggunaannya.

Mesin *Economical Food Waste Composter* yang berharga RM2,700.00 dihadiahkan oleh Ahli Majlis MPSP, Encik Michael Tan Cheong Heng, kepada sekolah ini dan diharap dapat membantu dalam proses penghasilan kompos daripada sisa-sisa buang dapur atau kantin sekolah. Pihak UPSI pula akan membantu dalam mengadakan bengkel kepada para guru dan murid dalam hal ehwal penyediaan kompos dan menggunakannya sebagai baja dalam aktiviti bercucuk tanam di kawasan sekolah, baik untuk jenis sayur-sayuran dan juga tumbuhan serta pokok hiasan.

Bagi tahun 2019, satu hadiah khas akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang berjaya melaksanakan pengkomposan berterusan dan mencapai sisa sifar. Bagi mencapai sasaran ini, pihak sekolah perlu mendapat penglibatan pengusaha kantin dan murid untuk mengasingkan sisa makanan.

Adalah diharapkan supaya warga SMK Jalan Damai akan memberikan kerjasama bagi menjayakan program pengkomposan ini. Jika warga SMK Jalan Damai dapat mengamalkan sisa sifar, ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau. SMK Jalan Damai akan seterusnya menjadi mentor / contoh kepada

sekolah-sekolah lain untuk belajar mengamalkan sisa sifar makanan terbuang menggunakan *Economical Food Waste Composter*.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Bagi mencapai “Seberang Perai An Aspiring City Of Tomorrow”, saya menyeru kepada seluruh warga Seberang Perai amnya dan warga Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Damai secara khususnya untuk terus memberikan sokongan kepada MPSP ke arah matlamat menjadikan **Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi**.

Sekali lagi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para hadirin sekalian dan menyeru para pelajar, guru dan semua yang hadir untuk menjadikan pengasingan sisa di punca dan penyediaan baja kompos daripada sisa dapur kitar semula sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar mengurangkan sisa sampah daripada dibawa ke tapak pelupusan dan seterusnya merealisasikan harapan MPSP untuk menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*).

Sebagai mengakhiri kata-kata dan dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan **Majlis Pelancaran Projek Pengkomposan Dan Economical Food Waste Composter (EFWC) Di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Damai, Bukit Mertajam.**

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

Terima kasih.